

K • A • P • S • U • L

PENGUNA

PENGUMUMAN

NAMA RASMI KEMENTERIAN
TELAH DITUKARKAN KE
KEMENTERIAN PERDAGANGAN
DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP
DAN AKRONIM
(KPDN)
BERKUATKUASA
2 DISEMBER 2022

EDISI 6 2022 NOVEMBER - DISEMBER



KPDN



M/S 4-5:

KOS SARA HIDUP
“APA PLAN MENTERI?”

M/S 9:

KPDN NEGERI SEMBILAN
RAMPAS 5,015 KG MINYAK PAKET

PROGRAM INISIATIF PENDIGITALAN SEKTOR PERUNCITAN (REDI)



PAUH, PERLIS, 10 November 2022 - YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof, KSU KPDNHEP telah menyempurnakan Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan atau Retails Digitalisation Inisiatif (ReDI) yang diperluaskan lagi kepada enam pasar malam utama di negeri ini mengangkat tema 'go cashless'.

Sehingga 31 Oktober ini, sebanyak 186 peniaga di Perlis dan 5,596 peniaga seluruh negara telah berjaya didaftarkan di bawah ReDI. Kementerian turut menyalurkan peruntukan sebanyak RM7,600 menerusi insentif tanpa tunai yang meliputi 120 peniaga dan 200 pengguna pasar malam di Perlis dalam usaha untuk menggalakkan peniaga/pengguna tersebut beralih kepada sistem pembayaran tanpa tunai.

Menurut Datuk Azman, Inisiatif ini bukan hanya dapat mengurangkan kebergantungan kepada wang tunai malah memberi pelbagai manfaat kepada pengguna selain ianya mudah, cepat dan selamat.

ReDI juga bertujuan untuk memastikan peniaga kecil di luar bandar tidak ketinggalan di dalam arus perdana dan bersama-sama melibatkan diri menerusi model baharu perniagaan secara digital selain dapat menggalakkan dan memberi pilihan kepada pengguna memilih e-wallet ketika membeli serta mewujudkan ekosistem masyarakat tanpa tunai.

HARGA BAHARU RUNCIT MINYAK SAWIT TULEN BOTOL TURUN

PUTRAJAYA, 2 NOVEMBER 2022 - Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah menetapkan Harga Runcit Maksimum terkini bagi minyak masak sawit tulen yang dibungkus dalam botol di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penentuan Harga Maksimum Bagi Minyak Masak) 2022. Perintah ini akan berkuat kuasa pada 8 November 2022 sehingga 7 Disember 2022.

Berikut merupakan Harga Runcit Maksimum bagi minyak masak sawit tulen dalam botol bagi tempoh tersebut. Minyak Masak 1kg (RM 6.90) minyak masak 2kg (RM 13.30), minyak masak 3kg (RM19.60) dan minyak masak 5kg (RM 30.90).

Seperti sedia maklum, kawalan harga ini dilaksanakan mengikut kaedah harga siling bergerak berdasarkan purata harga minyak sawit mentah dunia. Mana-mana pihak yang menjual melebihi harga maksima boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dan boleh dikenakan penalti seperti berikut:

- Individu; boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan;
- Syarikat; boleh didenda sehingga RM500, 000.

KPDN turut menggalakkan pengguna menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan untuk menyatakan maklumat berkaitan pelanggaran undang-undang membabitkan harga runcit minyak masak sawit tulen di pasaran secara rasmi melalui saluran rasmi Kemeterian.



PERASMIAN OUTLET PERTAMA DAPORLAH

PUTRAJAYA, 8 NOVEMBER 2022 – YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah merasmikan pembukaan Francais DaporLah di Kafeteria KPDNHEP.

Melihat jenama DaporLah yang semakin pesat berkembang selepas hampir 2 tahun dengan pelancaran jenama ini, DaporLah akan terus dikenali dan mempunyai potensi untuk menjadi francais pada masa akan datang.

Adalah diharapkan DaporLah dapat terus memperkenalkan pelbagai hidangan tempatan dan memberi manfaat berterusan kepada semua rakyat Malaysia. DaporLah juga merancang untuk membuka 5 francais baharu pada tahun hadapan dengan mengunjurkan RM 2.3 juta jumlah jualan.

PROGRAM FOOD BANK SISWA MELEBARKAN SAYAPNYA DI UITM CAWANGAN SARAWAK

KOTA SAMARAHAN, 2 November 2022 – Program Food Bank Siswa telah melebarkan sayap dengan rasminya di UITM Cawangan Sarawak di mana pelaksanaannya meliputi Food Pantry yang akan membantu siswa B40 dalam mendapatkan bantuan makanan. Program Food Bank Siswa di UITM Cawangan Sarawak setakat ini telah menyantuni 831 pelajar B40 pelbagai bidang yang membolehkan mereka memberikan tumpuan terhadap pembelajaran mereka.

Untuk makluman, Program Food Bank Siswa kelolaan Sekretariat Food Bank Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah digerakkan semenjak Februari 2019. Ianya merupakan salah satu inisiatif di bawah Program Food Bank Malaysia (PFBM) di mana bantuan turut disalurkan kepada golongan yang memerlukan termasuk golongan B40 terpilih dan mangsa bencana alam seperti banjir dan sebagainya.

Salah satu keistimewaan Program Food Bank Siswa ialah kejayaan memupuk semangat kesukarelawan dalam kerja-kerja kebajikan tanpa mengharap balasan. Sukarelawan pelajar mencurahkan bakti tenaga mereka secara sukarela untuk menguruskan Food Pantry, membahagikan bahan makanan, barang-barang keperluan diri dan peralatan pembelajaran kepada siswa berkenaan secara teratur dan mengawal inventori supaya bekalan tidak terputus.

Selain itu, kejayaan Food Bank Siswa UITM Cawangan Sarawak ini ditunjangi oleh rakan-rakan strategik seperti Everrise dan Econsave yang sudi menghulurkan bantuan dalam bentuk keperluan siswa. KPDN sangat mengalu-alukan sumbangan badan korporat, pemain industri sektor pemberongan, peruncitan dan katering serta orang perseorangan untuk menjadi rakan strategik Program Food Bank dalam membantu golongan yang memerlukan sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat dalam meringankan beban kos sara hidup golongan B40.

Pihak Kementerian turut melaksanakan Inisiatif Teknologi Pembungkusan Secara Retort yang melibatkan industri perhotelan, katering dan pengeluar makanan berdasarkan pertanian. Sehingga kini, sebanyak dua belas (12) mesin retort telah beroperasi di sepuluh (10) lokasi terpilih dan telah berjaya menghasilkan lebih daripada 3000 pek makanan untuk diagihkan.

PROGRAM JUALAN MURAH MANFAATKAN MASYARAKAT SETEMPAT

LABUAN, 11 Disember - Program Jualan Murah mampu memberikan manfaat kepada masyarakat di sini khususnya kepada golongan B40 yang terkesan dengan kos sara hidup.

Program seumpama ini menepati hasrat kerajaan yang komited untuk meringankan beban rakyat.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail berkata program Jualan Murah yang dilaksanakan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan pihaknya diteruskan sehingga hujung tahun ini, sebagai membantu meringankan beban rakyat daripada segi perbelanjaan keperluan harian.

Pelaksanaan itu selaras pengumuman Perdana Menteri Datuk Sri Anwar Ibrahim untuk meneruskan usaha yang dilakukan demi membantu rakyat.



BEKALAN TELUR AYAM DI PASARAN

Telah banyak diperkatakan tentang bekalan telur di pasaran sejak Oktober lalu. Apa sebenarnya yang berlaku? Apa punca bekalan telur boleh terganggu? Bab Bekalan, sebenarnya Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau MAFI merupakan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap bekalan barang. Ini termasuk Ayam, telur, Ikan, Sayur, Daging dan beberapa lagi barang makanan.

Sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) kementerian ada menerima aduan berkenaan dengan telur. Dari 1 September hingga 23 November 2022 dengan menerima 43 Aduan yang bersangkutan dengan bekalan dan harga telur di pasaran

Isu Bekalan telur ayam telah menjadi isu penting semenjak kebelakangan ini. Apa pun telur ayam merupakan makanan yang tidak asing oleh semua lapisan masyarakat diseluruh dunia daripada golongan kanak-kanak, orang muda dan apa lagi orang dewasa yang memakannya. Penghasilan telur di Malaysia mencapai billion biji setahun untuk pasaran domestik dan juga pasaran ekspor.

Free Malaysia Today (FMT) pada Oktober 2022 melaporkan harga maksimum ayam dan telur kekal apabila pihak kerajaan menyambung tempoh pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam berkuat kuasa Oktober 2022 dengan harga maksimum ayam serta harga runcit telur ayam dikekalkan. Ketua Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) iaitu Azman Mohd Yusof nyatakan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam itu disambung dengan kadar baharu pemberian subsidi kepada telur ayam sebanyak RM0.08 sebiji kepada peladang. Ini berpunca daripada kenaikan kos pengeluaran dan menyebabkan keperluan penyelaras semula harga telur ayam di peringkat ladang dan borong iaitu untuk peniaga membolehkan harga runcit telur ayam telah dikekalkan tanpa sebarang kenaikan. Harga maksimum ayam pula kekal bagi semua peringkat meliputi ladang, borong dan runcit. Menerusi Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam, harga maksimum runcit ayam untuk Semenanjung Malaysia bagi ayam bulat standard ditetapkan pada RM9.40 sekilogram, manakala ayam super pada RM10.40 sekilogram. Harga maksimum runcit telur ayam bagi gred A ditetapkan pada 45 sen/biji; gred B (43 sen/biji) dan gred C (41 sen/biji) di Semenanjung Malaysia. Bagi Langkawi, Sabah, Sarawak dan Labuan, harga maksimum ayam dan telur berbeza mengikut zon dan daerah.

Ikuti wawancara di Buletin FM pada 30 November 2022 (Rabu) bersama Tuan Shamsul Nizam Khalil, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Operasi)

Apa tindakan susulan KPDNHEP terhadap aduan kekurangan bekalan telur ayam?

Pegawai Penguatkuasa kita di negeri akan pergi memeriksa dan menyiasat, mengadakan libat urus dengan premis perniagaan di lokasi yang dilaporkan, bertanya situasi yang sebenarnya apakah ketiadaan disebabkan permintaan yang luar biasa, ataupun sedang menunggu penghantaran dari pemborong dan stor pusat atau pun sebagainya. Jika ianya bersangkut-paut dengan pengeluaran, maka kami akan salurkan kepada rakan kami di MAFI untuk diambil tindakan.

Baru-baru ini ramai pula netizens upkan gambar telor yang banyak di pasaraya-seolah-olah menggambarkan bekalan telah pulih malah se macam ada lambakan. Apa penjelasan tuan?

Kami telah bertanya dan meminta penjelasan dari pasaraya-pasaraya terbabit. Mereka menjelaskan bahawa bekalan telur itu merupakan perkara biasa dan tiada lambakan di mana bekalan itu merupakan replenishment dari pesanan yang telah dibuat bila bekalan mereka telah mencecah had memesan semula atau re-order limit. Ada yang menerima 300 papan, tetapi di taruh di rak untuk jualan 100 papan sehari. Dengan itu mereka dapat bertahan selama 3 hari.

Mungkin netizen itu datang pada waktu tersebut. Datang lagi keesokan harinya, telur tetap ada. Itu yang di upkan di media sosial sebagai lambakan. Sebenarnya jika dia datang hari keempat, rak kembali kosong.

Ingin saya jelaskan, berdasarkan pemantauan, situasi bekalan telur dipasaran menunjukkan bahawa sesetengah lokaliti menunjukkan peningkatan dalam permintaan dan ada juga yang tidak banyak berubah. Ini bermaksud kedudukan bekalan telur ayam di pasaran terutamanya di peringkat runcit sentiasa berubah mengikut kepada situasi pengeluaran, pembekalan dan permintaan semasa di seluruh negara.

Ada pula yang mengatakan harga telur telah meningkat dan dinaikkan sesuka hati oleh Peniaga, betul ke tuan?

Terdapat dua jenis telur di pasaran. 1) Telur bersubsidi yang tertakluk kepada harga maksimum yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu Gred A, B dan C.

Dan yang ke 2) telur yang tidak tertakluk kepada harga maksimum seperti telur jenis organik, omega, silleneum.

KPDN telah menetapkan Penentuan Harga Maksimum Bagi Telur Ayam bermula dari 5 Februari 2022 sehingga sekarang. Melalui peraturan ini, harga maksimum bagi setiap peringkat telah ditetapkan. Sebagai contoh, harga maksimum runcit telur ayam yang telah ditetapkan adalah, gred A (0.45 sen/biji), gred B (0.43 sen/biji) manakala gred C (0.41 sen/biji). Justeru itu, tindakan undang-undang akan diambil sekiranya mana-mana pihak didapati gagal mematuhi peraturan di bawah Penentuan Harga Maksimum Telur Ayam.

Betul ke ada kes menyorok telur? Kalau betul ada, apa jenis tindakan yang boleh diambil oleh pihak KPDN?

Berdasarkan pemeriksaan kami samada menggunakan uniform mahupun secara OPS SAMAR (tak guna uniform), tiada kes sorok di kesan.

Lagipun seperti yang dinyatakan oleh Encik Tan Chee Hee, Presiden Persekutuan Persatuan Penterak Malaysia (FLFAM) bahawa "dakwaan menyorok telur adalah tidak logik dan tidak benar kerana telur ayam merupakan barang mudah rosak dan tidak boleh disimpan lama".

Peniaga yang menyorok telur akan mengalami kerugian akibat dari telur rosak dan telur busuk dan seboleh-bolehnya mereka akan menjual sebanyak mungkin secepat mungkin untuk mengelakkan dari kerugian.

Kes menyorok telur dan barang kawalan yang lain adalah satu kesalahan yang berat di bawah Akta Kawalan Barang 1961 (terangkan tentang kompaun dan sebagainya)

Apakah pesanan terakhir tuan sebelum mengakhiri siaran kita pagi ini?

Berdasarkan Laporan Penguat Kuasaan Pelaksanaan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam bermula dari 5 Februari 2022 sehingga 27 November 2022, sebanyak 141,784 pemeriksaan yang telah dijalankan di peringkat pengeluar, borong dan runcit. Hasil daripada pemeriksaan tersebut, sebanyak 2,196 tindakan kes telah dihasilkan dengan nilai kompaun adalah sebanyak RM 414,000.00. Selain itu, sebanyak 153 tindakan kes dihasilkan kerana menjual telur melebihi harga maksimum yang ditetapkan.

Saya menyeru kepada pengeluar untuk teruskan tingkatkan pengeluaran telur negara kerana telur merupakan sumber protin yang termurah dan makanan ruji untuk rakyat Malaysia.

Kepada Pengguna, janganlah mudah malah percaya dengar rumours dan berita tidak sahih. Rancang pembelian dan gunakan kuasa memilih dan membeli untuk mempengaruhi bekalan dan harga barang di pasaran.

The infographic features the Malaysian coat of arms at the top left, the KPDN logo at the top center, and the text 'Pengguna Bijak' at the top right. It includes a title 'TAHUKAH ANDA' and a sub-section 'JENIS TELUR AYAM YANG DIKAWAL HARGANYA DI BAWAH PENENTUAN HARGA MAKSUMIM AYAM & TELUR AYAM'. It lists two categories: 'TELUR YANG DIKAWAL HARGA' (controlled price) and 'TELUR YANG TIDAK DIKAWAL HARGA' (not controlled price). Under 'TELUR YANG DIKAWAL HARGA', there is an image of a tray of brown eggs labeled 'Telur ayam GRED A, B, C dalam kemasan papan'. Under 'TELUR YANG TIDAK DIKAWAL HARGA', there are images of 'Telur Ayam Organik dalam kemasan paket', 'Telur Masin', 'Telur Itik', and 'Telur Burung Puyuh'. At the bottom, it states 'DI BAWAH PENETAPAN HARGA SILING RUNCIT, TELUR AYAM DALAM KEMASAN PAPAN DIKAWAL HARGANYA DAN BERKUAT KUASA SEJAK 5 FEBRUARI 2022'.

"APA PLAN MENTERI?"

— AWANI —



Setinggi-tinggi tahniah kepada YB Datuk Seri Salahuddin Bin Ayub atas perlantikan sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Lantikan ini ditengah kemelut inflasi dan harga barang yang meningkat setelah semua sektor ekonomi dibuka sejak fasa endemik kira-kira setahun yang lalu.

Antara punca yang dikenal pasti adalah permintaan yang meningkat, harga input pemprosesan dan pengeluaran yang meningkat terutama bahan import, nilai Ringgit, pererangan Russia-Ukraine dan gaya hidup pengguna.

Banyak yang tuntut supaya jalan pintas dicari menyelesaikan kemelut ini sejak dari Kerajaan terdahulu sehingga penubuhan Kerajaan Perpaduan baru-baru ini. Lebih teruja bila YAB Perdana Menteri sendiri menyatakan bahawa Kos Sara Hidup menjadi keutamaan beliau dan Kerajaan Perpaduan. Dan YAB PM tidak tunggu lama untuk berjumpa KSN, Gavenor Bank Negara dan KSU-KSU Kementerian yang berkaitan pada hari Ahad 27 November 2022 untuk mendapatkan maklumat situasi sebenar pasaran. penyelesaian Kesukaran mendapatkan bekalan telur didakwa berlaku sejak Oktober lalu di beberapa kawasan di seluruh negara. Sama-sama kita ikuti tembusan di Agenda Awani bersama YB Datuk Seri Salahuddin Bin Ayub, Menteri KPDN pada 6 Disember yang lalu jam 8.30 malam di saluran 501 di bawah topik "Apa Plan Menteri?"

Apa reaksi YB terhadap perlantikan ini?

Terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas kepercayaan kepada saya untuk menggalas amanah dan tanggungjawab untuk menerajui kementerian utama yang menjadi nadi dan harapan rakyat Malaysia untuk menikmati hidup yang sejahtera dan lebih sempurna apabila tekanan sara hidup rakyat dapat diminimumkan. Saya sedar bahawa amanah dan harapan yang dipertanggungjawabkan ini adalah besar dan saya akan bersama-sama pasukan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan bekerja keras dalam memastikan penyampaian perkhidmatan bagi menangani kos sara hidup yang semakin tinggi.

Saya menyedari harapan pengguna di Malaysia supaya Kerajaan menyediakan penyelesaian kepada kenaikan harga barang dan kekurangan bekalan makanan di pasaran.

Sekarang juga adalah masa terbaik untuk saya dengan kerjasama semua pihak menghapuskan kartel dalam sektor makanan dan keperluan asas serta menggalakkan persaingan sihat dan adil dalam perniagaan bagi membasi keuntungan yang melampau.

Bagaimana YB takrifkan erti sebenar Kos Sara Hidup?

Saya berterima kasih kepada Astro Awani kerana bertanyakan soalan ini kerana ia merupakan antara perkara utama menjadi perhatian terutamanya kepada rakyat. Berbicara tentang kos sara hidup ada dua perkara pokok yang perlu difahami. Saya amat berharap hos akan memberi sedikit masa untuk saya menerangkan perkara ini kerana ia amat penting serta perlu difahami bersama-sama.

Kos sara hidup, pertamanya adalah tentang perbelanjaan tetap bulanan yang bersifat hangus. Maknanya perbelanjaan yang perlu dilakukan oleh isi rumah sebagai contoh, pembiayaan rumah, kenderaan serta makanan. **Keduanya, sumber pendapatan atau pembiayaan perbelanjaan hangus tersebut samada melalui sumber gaji, pendapatan lain seperti dividen, komisen dan sebagainya.**

Kedua-dua perkara ini penting kerana yang pertamanya dari segi penawaran, iaitu jualan barang dan perkhidmatan oleh pihak lain serta dari segi permintaan iaitu, perolehan keperluan oleh pengguna atau rakyat yang perlu dibayar terutamanya melalui gaji perlulah seimbang. Sekiranya keseimbangan ini tidak dicapai maka bermulalah episod keluhan, kerisauan serta tekanan yang dihadapi oleh rakyat terutamanya mereka yang berada dalam kategori berpendapatan rendah.

Saya maklum bahawa fokus polisi terdahulu apabila berbicara tentang kos sara hidup cara yang paling mudah adalah melalui strategi kawalan harga atau apa sahaja yang boleh mempengaruhi harga. Ya, ia juga merupakan satu kaedah. Apabila kos sara hidup di Malaysia menjadi tajuk atau

fokus utama maka kita mula sedar bahawa penekanan strategi atau hala tuju baharu amat diperlukan.

Selagi mana keseimbangan di antara permintaan (pendapatan) dan penawaran (harga, bekalan, kos input dan lain-lain) tidak dapat diharmonikan maka kos sara hidup di Malaysia akan menjadi duri dalam daging.

Justeru, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (National Action Council on Cost of Living-NACCOL) yang sekretariatnya di bawah tanggungjawab kementerian akan mencadangkan kepada Kerajaan bahawa apabila melihat kos sara hidup pandang sisinya wajar melihat kepada 4 perkara ini:

Yang Pertama adalah harga. Adalah menjadi keutamaan bahawa isu harga barang dan perkhidmatan perlu mengambil kira pertimbangan yang menyeluruh. Maknanya, berbicara tentang harga ia perlu melihat keseluruhan rantaian. Kadang-kala kita lupa bahawa, sebagai contoh, nelayan dan petani juga pengguna dan pada masa yang sama membentuk isi rumah yang besar.

Manapun mungkin kita boleh berbicara tentang pendapatan yang tinggi kepada petani dan nelayan sekiranya kita hanya ingin mendapatkan harga yang rendah daripada mereka. Perlu ada pengharmonian yang akhirnya akan mewujudkan situasi menang-menang.

Kedua, pendapatan. Pendapatan adalah faktor utama membentuk corak kos sara hidup sesebuah isi rumah. iaitu aspek pendapatan pengguna perlu dilihat secara tuntas kerana akhirnya pendapatan pengguna akan diterjemah dalam bentuk kuasa beli. Ini perlu menjadi agenda utama Kerajaan semasa. Strategi meningkatkan pendapatan juga perlu berfokus dan bersifat strategik. Benar, kita ada gaji minimum RM1,500 namun saya fikir banyak sub industri, industri mahupun sektor tertentu yang sudah boleh menawarkan pendapatan yang lebih tinggi daripada gaji minimum ini. Kita akan perincikan. Saya tidak fikir masa yang singkat ini dapat menerangkan segalanya.

Ketiga, pasaran yang sihat iaitu Kerajaan akan memastikan asas-asas persaingan yang terbuka dan jujur serta aktiviti-aktiviti perniagaan yang sihat diterapkan secara fundamental dalam perdagangan dan aktiviti perniagaan. Pasaran yang sihat menjamin sekurang-kurangnya dua perkara utama iaitu, pertama ia memberi jaminan bahawa kos yang dibayar oleh pengguna adalah munasabah dan kualiti produk atau perkhidmatan yang diterima adalah pada tahap optimum. Kedua, pasaran yang sihat juga akan menjamin semua peniaga bersaing dalam suasana terbuka justeru akan menggalakkan mereka untuk mendapat keuntungan yang sepadan. Secara tidak langsung ia akan turut memberi manfaat melalui gaji atau compensation yang lebih baik kepada pekerja mereka yang juga merupakan pengguna. Untuk makluman, sektor perdagangan pengedaran mempunyai seramai lebih 2 juta pekerja. Akhirnya, ia juga menyumbang kepada pelaksanaan agenda kedua kos sara hidup iaitu pendapatan.

Fokus keempat adalah peranan yang perlu dimainkan oleh semua pihak terutamanya kerajaan, pemain industri dan pengguna. Adalah tidak wajar, peranan untuk memastikan kos sara hidup ini perlu dipikul oleh Kerajaan semata-mata. Pengguna, sebagai contoh, wajar menerapkan kualiti pengurusan kewangan yang lebih baik. Pengurusan kewangan yang lebih baik ini akan membantu mereka mengenal pasti kos sebenar yang perlu ditanggung oleh mereka. Akhirnya mereka boleh merujuk kepada pelbagai sumber terutamanya Kementerian melalui PriceCatcher dengan membandingkan opsyen yang ada agar pembelian mereka dapat dioptimumkan. Peranan pengguna yang bijar wajar diperhebat dan dipertingkatkan. Namun pada masa yang sama peranan Kerajaan serta pihak korporat juga dituntut untuk dipertingkatkan.

Kos sara hidup merupakan agenda "whole nation approach", ia adalah tanggungjawab semua walau kecil manapun peranan seseorang dalam mana-mana peringkat proses berlakunya aktiviti kos sara hidup.

World Bank, IMF dan Banyak ekonomi meramalkan inflasi akan lebih parah di tahun 2023, harga barang dijangka tidak akan turun dan pastinya kos sara hidup rakyat akan tertekan, apa reaksi YB?

Malaysia merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka iaitu kuasa pasaran (market forces) berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barang di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentuan harga barang di pasaran.

Kadar Inflasi Malaysia pada Oktober 2022 catat 4.0 peratus, lebih rendah berbanding September 2022 (4.5%). Inflasi 3 kumpulan utama adalah seperti berikut:

Makanan dan Minuman Bukan Alkohol : 7.1%;

Pengangkutan : 5.2%; dan

Perumahan, Air, Elektrik, Gas & Bahan Api Lain : 1.5%

Sehubungan itu, kementerian ini telah dan melaksanakan tiga (3) strategi bagi menangani isu kos sara hidup iaitu **pertama, mekanisme kawalan harga seperti warta hari perayaan dan barang kawalan seperti gula**. Terdapat 4 contoh program mekanisme kawalan harga iaitu:

Penentuan harga siling runcit bagi minyak masak botol yang diumumkan setiap 2 hari bulan setiap bulan bagi pelaksanaan harga runcit baharu pada 8 hari bulan. Formula penentuan runcit ini menggunakan harga purata CPO dunia bulan sebelumnya bagi menentukan harga purata CPO di Malaysia. Penentuan harga CPO telah diguna pakai oleh industri kelapa sawit di Malaysia dan dikeluarkan oleh MPOB.

Nota Tambahan: harga siling minyak masak botol bagi bulan November 2022 adalah seperti berikut:

1kg iaitu RM6.90, 2kg iaitu RM13.30, 3kg iaitu RM19.60; dan 5kg iaitu RM 30.90.

a. mekanisme Harga Siling Ayam dan Telur telah dilaksanakan semenjak Februari 2022. Ia merupakan polisi yang dilaksanakan bersama-sama dengan pemberian subsidi kepada penternak ayam. Program subsidi ini adalah di bawah tanggungjawab MAFI. Walaupun mekanisme ini dilaksanakan pada Februari 2022 sehingga sekarang, namun pihak industri berpandangan bahawa kawalan harga bagi ayam dan telur telah berlaku semenjak November 2021. Pada masa tersebut, kawalan bagi bulan November 2021 dan Disember 2021 adalah disebabkan dua (2) sambutan perayaan iaitu Deepavali dan Hari Natal. Justeru, mengambil kira tempoh tersebut, tempoh kawalan ini telah berlaku hampir satu (1) tahun;

b. KPDN juga melaksanakan kawalan harga kepada gula dan tepung bagi keperluan domestik. Namun pertimbangan dalam kaedah penentuan adalah berbeza. Subsidi diberikan kepada 11 pengilang tepung supaya mereka dapat mengeluarkan tepung yang ditetapkan harga kawalan setelah mengambil kira jumlah subsidi yang ditampung oleh Kerajaan;

Namun kaedah penentuan bagi gula berbeza kerana tiada subsidi yang diberikan. Harga kawalan ini hanyalah melibatkan gula bagi kegunaan domestik. Manakala harga bagi industri ditetapkan oleh pasaran;

c. KPDN juga melaksanakan kawalan harga kepada produk petroleum dan LPG bagi kegunaan domestik. Kaedah penentuan kuota, peleseran bagi peruncitan dan pemborongan serta lain-lain dilaksanakan oleh KPDN. Manakala bayaran subsidi diuruskan oleh MOF.

Kedua, kawalan harga melalui pemberian subsidi seperti subsidi pengangkutan dan subsidi harga barang keperluan. Contoh pelaksanaan pemberian subsidi adalah seperti berikut:

a. Subsidi Pengangkutan – bertujuan untuk memastikan harga kawalan sebenar dinikmati di kawasan yang sukar mendapat akses pengangkutan. Kos pengangkutan disubsidi melalui tiga (3) program iaitu Program Penyeragaman Harga, Program LPG dan Community Drumming. Program ini melibatkan tujuh (7) barang keperluan kawalan iaitu gula putih bertapis kasar, tepung gandum kegunaan am, minyak masak tulen, beras putih, LPG, RON95 dan diesel.

b. Subsidi Harga Barang Keperluan

i) Program Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS). Harga ditetapkan pada RM 2.50/kg;

ii) Petroleum dan LPG. Pembayaran subsidi adalah di bawah Kementerian Kewangan (MOF);

iii) Tepung gandum kegunaan am; dan

iv) Ayam dan telur. Pembayaran subsidi adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Ketiga, Kementerian juga melaksanakan program jualan iaitu:

a. Jualan Murah Barang Keperluan Asas – Fasa 1 – 2,198 lokasi di 222 parlimen, 263 rakan strategik, RM70 juta jumlah jualan, 3.8 juta pengunjung. Fasa 2 melibatkan 600 DUN/639 lokasi; dan

b. Program Jualan Murah- Musim Perayaan, Year End Sale, Back to School.

Kementerian turut menggunakan instrumen undang-undang dan penguatkuasaan di bawah tanggungjawab KPDN. Kementerian menggunakan Akta Kawalan Barang 1961 dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 bagi tujuan kawalan harga.

Pelbagai saluran aduan disediakan untuk kemudahan rakyat jelata. Kawal selia bekalan dan harga dibuat melalui pelesenan, penguatkuasaan, libat urus dengan industri dan sebagainya.

Secara keseluruhan, sebanyak 800,292 pemeriksaan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2022 sehingga bulan November. Lapan (8) jenis kategori perniagaan tertinggi seperti berikut:

8 Jenis Pemeriksaan Tertinggi Mengikut Jenis Perniagaan	
Jenis Perniagaan	Bilangan Pemeriksaan
Pasar Basah / Harian	146,493
Kedai Runcit	104,126
Pasar Malam/Tamu	77,537
Pasar Pagi	63,016
Kedai Pakaian	38,692
Supermarket	30,281
Pasar Tani	28,098
Bazar Ramadhan	20,380

Kementerian juga telah mengambil kes ke atas pelanggaran pelbagai kesalahan. Pecahan kes tersebut adalah seperti berikut:

BILANGAN KES DI BAWAH AKB 1961 dan AKHAP 2011 (BARANG KAWALAN) TAHUN 2022	
BARANG	BIL KES
AYAM	474
TELUR AYAM	1,722
MINYAK MASAK	407
GULA PASIR KASAR	59
TEPUNG GANDUM	36
DIESEL	472
PETROL	174
LPG	56
JUMLAH	3,400

Rakyat pasti mandat yang diberikan oleh YAB PM kepada YB beserta pengharapan bahawa perkara ini dapat diselesaikan atau sekurang-kurangnya telah ada gerak kerja yang telah digariskan. YB boleh share apa tindakan segera, tindakan jangka pendek dan seterusnya jangka panjang?

Isu utama yang saya akan tumpukan dalam strategi jangka pendek dan seterusnya menjadi strategi jangka panjang kementerian adalah 3 pendekatan utama iaitu (1) harga barang, (2) kelangsungan bekalan dan (3) ketirisan subsidi.

Berdasarkan hasil turun padang yang dilaksanakan pada hari pertama saya lapor diri, saya mendapati harga barang asas yang semakin mahal ini perlu diberikan keutamaan kerana secara tidak langsung akan mempengaruhi rantaian harga keseluruhan produk akhir di pasaran. Berdasarkan laporan daripada Bahagian Penguat Kuasa Kementerian, terdapat segelintir peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang asas yang mengakibatkan tekanan kepada pengguna. Saya akan mengarahkan Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Pemantau Harga kementerian supaya lebih kerap turun ke lapangan untuk memantau dan seterusnya mengambil tindakan segera terhadap peniaga yang mengambil kesempatan ini.

Bagi masalah bekalan yang tidak mencukupi ini, saya akan segera bertemu dengan pihak industri untuk mendengar dan mencari punca kekurangan bekalan di pasaran samada terdapat hubungkait dengan kartel-kartel terutamanya di kalangan pengimport dan pemborong. Perlu diingatkan, akibat sikap segelintir pihak yang menyorok bekalan ini, ianya mempengaruhi harga bekalan barang. Kementerian saya akan terus mengambil tindakan menerusi Ops Ayam, Telur dan Minyak Masak (Ops ATM) bagi memastikan tiada pihak menyorok barang keperluan ini dan mana-mana pihak yang didapati menyalahi undang-undang akan didakwa di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Dalam isu ketirisan subsidi terutamanya di kawasan sempadan, kementerian telah membangunkan beberapa model perniagaan penjualan barang kawalan di kawasan sempadan. Sebelum model ini dilaksanakan, kita perlu melihat jangkaan impak terlebih dahulu bagi memastikan pihak yang memerlukan ini tidak terkesan terhadap pelaksanaan oleh kerajaan.

Apakah pesanan terakhir YB terhadap komuniti peniaga dan pengguna dalam kita menangani kos sara hidup secara bersama?

Dalam sesuatu rantaian bekalan, peniaga dan pengguna memainkan peranan penting bagi memastikan ekonomi berjalan dengan lancar. Saya ingin menyarankan supaya semua pihak ini berganding bahu dalam membantu mengatasi kesusahan berkaitan kos sara hidup. Peniaga tidak boleh mengambil kesempatan perhadap penawaran dan pengguna pula perlu bijak dalam permintaan.

Masalah ini akan kekal berlarutan jika masih ada pihak yang terlalu memikirkan keuntungan semata-mata tanpa ada rasa tanggungjawab terhadap membantu ekonomi semasa.

Saya sekali lagi menyeru semua pihak untuk menjadi pasukan saya membantu mengatasi kos sara hidup. Sekiranya terdapat penyelewengan dan pencatutan, laporan ke kementerian saya dan tindakan segera akan diambil. Salah satu daripada way forward kementerian ini adalah untuk meningkatkan daya upaya pengguna di mana saya berharap di samping membantu meringankan kos sara hidup dan merancakkan sektor perdagangan domestik, Kementerian ini akan berupaya mewujudkan pengguna yang sedar dan pintar.

Untuk itu, kementerian telah menyediakan beberapa platform untuk pengguna membuat keputusan yang bijak termasuk menerusi aplikasi Price Catcher, EzADU, MySales Tracker dan lain-lain.

ANUGERAH FRANCAIS IKTIRAF PRESTASI CEMERLANG PENGGIAT INDUSTRI

PUTRAJAYA, 8 DISEMBER 2022, KHAMIS- Telah berlangsung Majlis Anugerah Francais 2022 yang dirasmikan oleh Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Mohd Yusof di Putrajaya Marriot Hotel, IOI Resort City. Ini merupakan anjuran Persatuan Francais Malaysia bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Marrybrown Sdn Bhd(Marrybrown) telah diiktiraf sebagai penerima Anugerah Francais Terbaik 2022 pada malam ini. Marrybrown juga turut merangkul Anugerah Francais terbaik bersama dua jenama lain iaitu Cambridge English For Life Sdn Bhd (Cambridge English For Life) dan Ayam Penyet Bagus Sdn Bhd (Ayam Penyet Best).

Dalam pada itu jenama francais lain juga turut memenangi beberapa anugerah dalam Kategori Sistem Francais, Kategori Francais Antarabangsa, Kategori Francais dan Kategori Terbuka.

Ini merupakan sebagai satu langkah yang diambil untuk menghargai dan mengiktiraf penggiat francais yang cemerlang ini.

Turut hadir, YBhg Datin Roszanina Wahab-Timbalan Ketua Setiausaha (Pendayaupayaan Pengguna Dan Pengurusan), Pengerusi MFA, Datuk Dr. Radzali Hassan serta Pegawai Kanan Kementerian.

KPDN SEDIA TAMBAH BAIK SISTEM E-ADUAN

ISKANDAR PUTERI - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersedia menambah baik sistem aduan atas talian e-Aduan supaya lebih canggih dan memudahkan pengguna.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, e-Aduan KPDN juga perlu mesra pengguna supaya memudahkan orang ramai menyalurkan aduan berhubung isu kepenggunaan termasuk kenaikan harga barang.

"Saya akan melakukan perbincangan dengan pegawai supaya sistem e-Aduan KPDN lebih profesional dan canggih seterusnya mesra pengguna.

"Contohnya hari ini, saya membuat lawatan mengejut ke Pejabat KPDN Johor dan bertemu seorang pengguna yang datang dari Kluang semata-mata bagi membuat aduan ke tribunal pengguna.

Sepatutnya, pengguna tak perlu datang ke pejabat KPDN yang jauh bagi membuat aduan. Oleh itu, kita perlukan sistem e-Aduan yang lebih canggih," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar Pakatan Harapan (PH) Johor selepas sidang Dewan Undangan Negeri (DUN), di Kota Iskandar di sini pada Ahad.

Dalam pada itu, Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Jeram berkata, tinjauan bekalan barang makanan di pasaran akan lebih kerap dilakukan selepas ini.

Katanya, tinjauan itu termasuk di kawasan luar bandar terutama bagi memastikan bekalan telur bersubsidi dan minyak masak polibeg satu kilogram mencukupi.

"Sebelum ini, saya sudah membuat tinjauan di Kuala Lumpur dan Johor Bahru. Selepas ini, saya akan membuat tinjauan mengejut dan tanpa notis di pelbagai lokasi lagi terutama di luar bandar," katanya.

PROGRAM USAHAWAN MUDA 2022 SSM PERINGKAT ZON PANTAI TIMUR

KUALA BERANG, 16 NOVEMBER 2022, RABU - YB Dato' Rosol Bin Wahid, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini telah merasmikan Program Usahawan Muda 2022 (PUM22) siri ke-6 anjuran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) peringkat Negeri Terengganu dan Kelantan yang bertempat di Akademi Binaan Malaysia (ABM), Jenagor, Kuala Berang, Terengganu.

Untuk pengetahuan, program ini telah menarik lebih 1,400 penyertaan melibatkan pelajar dari Politeknik, Kolej Komuniti, Pusat Latihan GIATMARA dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) dari Negeri Terengganu dan Kelantan.

Program ini bertujuan bagi memberi kefahaman berkaitan tatacara serta perundungan yang dikawal selia SSM berhubung keperluan dan faedah mendaftarkan perniagaan, strategi perniagaan dan pengurusan kewangan, serta strategi pemasaran digital dan perkongsian oleh usahawan berjaya.

Pada masa yang sama, para peserta juga akan didekahkan kepada kesedaran dan perlindungan hak-hak pengguna agar peserta lebih peka dan prihatin tentang isu-isu kepenggunaan.

Seterusnya, program ini membuka peluang kepada peserta untuk memanfaatkan Skim Pendaftaran Perniagaan Prihatin (SPPP) yang diperkenalkan bagi memberi kemudahan pendaftaran perniagaan secara percuma kepada golongan usahawan B40 dan pelajar IPT sepenuh masa.

Turut berlangsung, sesi penyerahan agihan Wakalah Zakat Korporat berjumlah RM65,000 kepada empat buah masjid, satu pertubuhan kebajikan dan lapan Institusi Pengajian Tinggi yang disampaikan oleh YB Timbalan Menteri.

YAB PERDANA MENTERI MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KHAS MAJLIS TINDAKAN KOS SARA HIDUP NEGARA



PUTRAJAYA, 27 NOV 2022 -YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia, telah mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) yang turut dihadiri oleh KSN dan KSU Kementerian-Kementerian yang terlibat. Kos Sara Hidup, Inflasi dan Harga Barang telah menjadi agenda utama Perdana Menteri dan Kerajaan Perpaduan.

Sebanyak empat (4) kertas telah di bentangkan termasuk 1)Kedudukan Inflasi Semasa dan Kesan Kepada Isi Rumah oleh Ketua Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), 2)Polisi Kawalan Harga Serta Strategi Menangani Kos Sara Hidup oleh KSU KPDNHEP, 3) Status Semasa Kos Pengeluaran dan Bekalan Makanan Terpilih oleh KSU MAFI dan 4) Status Semasa Subsidi Subsidi dan Bantuan oleh KSP Perbadanaraan, MOF. Satu kertas iaitu Status Semasa Subsidi Tenaga oleh KSU KETSA tidak sempat dibentangkan tetapi telah dibangkitkan dalam sesi diskusi.

Turut hadir dalam mesyuarat tersebut ialah Gobernor dan Timbalan Gobernor Bank Negara, Timbalan KSU Kementerian-Kementerian terbabit, Pegawai-pegawai PMO dan Urusetia NACCOL. YAB Perdana Menteri turut menzahirkan appresiasi beliau terhadap penguatkuasa KPDNHEP dalam mengawal bekalan dan harga barang di pasaran. YAB PM juga mengiktiraf ilmu dan pengalaman pegawai awam dan meminta ahli politik mendengar cadangan dari pegawai kerajaan supaya kesilapan lama tidak berulang. YAB PM memberi masa dua minggu kepada jawatankuasa khas yang ditubuhkan untuk mengkaji dan melihat implikasi jika subsidi bersasar dilaksanakan melibatkan beberapa keperluan utama rakyat negara ini. Mesyuarat diakhiri dengan Sidang Media Perdana Menteri.





STATUS BEKALAN MENGHADAPI BANJIR

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diarah bersiap-sedia memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi bagi menghadapi Monsun Timur Laut (MTL), November ini.

Sebelum ini, Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November hingga Disember ini yang membawa kepada banjir besar. Cuaca yang dialami dijangka memberi impak lebih signifikan kerana MTL yang aktif pada tempoh itu, di mana risiko berlaku hujan lebat berterusan dan banjir berskala besar adalah tinggi. Adakah bekalan mencukupi ketika musim monsun nanti. Ikuti wawancara bersama Tuan Azman Bin Adam, Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN di rancangan Malaysia Hari Ini (MHI) yang disiarkan pada 30 November 2022 (Rabu) pada jam 9.45 pagi.

Adakah barang keperluan sebenarnya mencukupi?

Seperti kita semua sedia maklum, Negara sedang mengalami Monsun Timur Laut bermula November 2022 dan dijangka berlarutan sehingga Mac 2023 berdasarkan maklumat diperolehi daripada Jabatan Metrologi Malaysia.

Hal ini secara tidak langsung memberikan kesan ke atas bekalan barang tertentu khususnya hasil laut dan beberapa jenis sayur-sayuran disebabkan keadaan cuaca yang tidak menentu itu. Bagi memastikan barang keperluan sentiasa mencukupi terutamanya ketika musim Monsun Timur Laut ini, Kerajaan melalui KPDN telah melaksanakan pemantauan ke atas kedudukan bekalan bagi 26 jenis barang keperluan iaitu gula, minyak masak, tepung gandum, telur ayam, beras, petrol, *face mask*, *hand sanitizer*, ayam, roti, bawang, susu tepung, biskut, lampin dewasa, sardin, mi segera, air mineral, lampin bayi, tuala wanita, LPG, diesel, cili kering, ikan masin, ubat-ubatan, tisu basah dan tisu tandas.

Selain itu, bagi memastikan bekalan keperluan di bawah kategori hasil laut dan sayur-sayuran pula ketika musim monsoon ini, KPDN telah mengadakan sesi libat urus dengan agensi-agensi Kerajaan lain yang berkaitan seperti Kementerian Perindustrian dan Industri Makanan (MAFI) dan sebagainya serta bersama pihak industri.

Hasil maklumat yang diperolehi, bekalan adalah mencukupi untuk menampung keperluan pengguna dalam Negara walaupun terdapat sedikit penurunan jumlah tangkapan hasil laut akibat daripada cuaca yang tidak menentu ketika ini. Perkara ini adalah fenomena biasa yang berlaku apabila setiap kali musim tengkujuh melanda Negara kita.

Walau bagaimanapun, stok bekalan hasil laut segar beku (Q-Fish) terutamanya bagi jenis ikan yang dikategorikan sebagai Ikan Rakyat seperti ikan kembung, sardin, selar, pelaling, selayang, cencaru dan sebagainya adalah mencukupi untuk menampung kekurangan hasil laut ketika ini dalam tempoh beberapa bulan lagi.

Bagi sayur-sayuran pula berkemungkinan ada mengalami sedikit perubahan harga berpunca daripada kekurangan hasil/bekalan akibat daripada keadaan cuaca yang tidak menentu yang menjelaskan penghasilan tanaman sayur-sayuran.

Bekalan barang lain seperti daging dijangka kekal mencukupi dan stabil untuk menampung keperluan rakyat di Negara kita.

Apakah antara barang yang menjadi rungutan pengguna apabila bekalan tidak ada?

Sehingga hari ini, pihak Kementerian tidak menerima sebarang aduan rasmi berhubung kekurangan bekalan barang tertentu oleh pengguna, namun KPDN sentiasa bersiap siaga dan komited melakukan pemantauan secara berterusan terutamanya ketika musim monsun ini serta bersedia menghadapi sebarang kemungkinan untuk memastikan bekalan keperluan sentiasa mencukupi di samping kestabilan harga bagi menjamin keperluan pengguna dalam Negara kita.

Adakah sesetengah bekalan disorokkan? Atau bagaimana?

Berdasarkan statistik penerimaan aduan berhubung aktiviti sorok, bekalan dan harga bermula 1 Januari 2022 sehingga 29 November 2022 adalah seperti berikut:

Jenis / Kategori	Sorok	Bekalan	Harga
Ayam	2	317	148
Telur ayam	10	68	151
Minyak masak	53	239	106
Lain-lain	4	0	0
Jumlah	65	317	405

Berdasarkan daripada statistik di atas menunjukkan aduan berkaitan sorok bekalan lebih tertumpu kepada jenis barang minyak masak berbanding lain-lain jenis barang. Setiap aduan yang diterima akan disiasat segera oleh pegawai penyiasat bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat diambil ke atas segelintir pihak yang cuba melakukan salah laku yang berkaitan.

Apakah tindakan pihak tuan apabila ada peniaga yang cuba menyimpan bekalan terutama pada musim banjir?

KPDN sentiasa melakukan aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan setiap hari di seluruh Negara termasuklah membabitkan aktiviti sorok bekalan dan tindakan tegas akan diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan melakukan aktiviti sorok bekalan boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala

bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM 3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM 5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, pihak berkaitan juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan barang kawalan/subsidi.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

Baru-baru ini ada isu telur yang tiba-tiba banyak di pasaran. Mengapa hal ini berlaku?

Berdasarkan pemantauan yang dilakukan oleh pihak Kementerian, berlaku peningkatan dari segi pengeluaran telur ayam oleh pihak industri sekaligus menyumbang kepada kestabilan dan pertambahan dari segi bekalannya di pasaran.

Walau bagaimanapun, KPDN tidak menolak kemungkinan di beberapa kawasan masih lagi tidak berlaku perubahan (gangguan bekalan telur ayam) tetapi pihak Kementerian akan terus melakukan pemantauan bagi memastikan isu kekurangan bekalan telur ayam dapat di atasi sepenuhnya.

Untuk makluman semua, ada tiga (3) jenis telur ayam di dalam Negara kita yang perlu difahami oleh pengguna bagi membezakan jenis telur ayam yang dikawal harganya oleh Kerajaan dan sebaliknya iaitu:

- i. Telur ayam yang dikawal: Gred A (45 sen/biji), B (43 sen/biji) dan C (41 sen/biji);
- ii. Telur ayam biasa yang tidak dikawal: Gred AA, D dan E;
- iii. Telur ayam biasa yang diperkayakan juga tidak dikawal;
- iv. Telur ayam Omega, Enrich dan sebagainya.

Bagi memastikan kestabilan bekalan dan harga bagi ayam telur ayam, Kerajaan telah melaksanakan Penentuan Harga Maksimum Ayam dan Telur Ayam dan sedang berkuatkuasa sehingga hari ini. Berdasarkan statistik penguatkuasaannya di seluruh Negara bermula 5 Februari 2022 sehingga 29 November 2022, sebanyak 142,334 premis telah diperiksa di seluruh Negara melibatkan peringkat borong dan runcit. Daripada jumlah itu, sebanyak 2,205 kes telah dihasilkan melibatkan nilai sitaan berjumlah RM 309,292.50.

Nasihat tuan kepada peniaga dan juga pengguna. Kegusaran pengguna dan sikap peniaga (selain kenaikan harga barang)?

Kepada peniaga saya ingin menasihatkan agar teruslah mematuhi perundangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan termasuklah tidak mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang dan mengambil keuntungan secara tidak munasabah (mencatut).

Selain itu, peniaga juga harus memastikan bekalan keperluan terutamanya barang yang dikawal dan yang menjadi keperluan utama pengguna sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan.

Kepada pengguna pula sentiasalah berhemah di dalam melakukan perbelanjaan harian dengan mengutamakan keperluan berbanding kehendak di dalam situasi ekonomi yang mencabar dan keadaan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

Pengguna juga dinasihatkan agar tidak panik dan sentiasa bertenang dengan tidak melakukan pembelian secara luar biasa dan menyimpan stok barang keperluan/makanan terlalu banyak sehingga mengakibatkan berlaku gangguan ke atas rantaian pengedaran/pembekalan bekalan barang.

KPDN LANCAR 'OPS TERJAH' UNTUK PERIKSA MASALAH BEKALAN, HARGA BARANGAN ASAS



LEBIH RM150,000, NILAI RAMPASAN DIESEL

LAHAT, 19 November- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menumpaskan sindiket penyelewengan diesel bersubsidi menerusi serbuan premis di kawasan Perindustrian Rima, Lahat. Nilai rampasan berjumlah lebih RM150,000.

Menurut Pengarah KPDN Perak, Saifullizan Kamarul Zaman, pemeriksaan yang dijalankan menjumpai dua tangki masing-masing mengandungi 15,000 liter dan 500 liter cecair diesel. Sebuah lori turut dijumpai dengan tangkinya diubah suai mengandungi 50 liter diesel.

Kes disiasat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

KPDN RAMPAS 40,000 LITER DIESEL SUBSIDI DISELEWENG



PUTRAJAYA, Disember 2022- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 40,000 liter diesel bersubsidi yang diseleweng di sebuah kawasan perindustrian di Seremban, Negeri Sembilan pada Selasa lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Azman Adam, berkata selain minyak diesel, turut disita sebuah lori, mesin compressor, dokumen perniagaan dan peralatan lain dengan nilai keseluruhan rampasan berjumlah RM323,000.

Beliau berkata, serbuan dilakukan sepasukan anggota penguat kuasa KPDN Putrajaya hasil risikan dilakukan sejak beberapa hari.

"Ketika serbuan dilakukan ke atas premis terbabit mendapat tiga lelaki warga tempatan mengaku pekerja di premis itu sedang melakukan kerja pemindahan minyak diesel daripada tangki simpanan ke sebuah lori tanker."

"Minyak diesel, dokumen perniagaan dan peralatan yang ditemui disita bagi tujuan siasatan lanjut."

"Ketiga-tiga warga tempatan itu juga ditahan bagi membantu siasatan kes terbabit," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Azman berkata, kertas siasatan dibuka dan siasatan lanjut dilakukan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

"Siasatan bagi mengenal pasti individu atau syarikat terbabit dalam aktiviti ini dan rantaian pengedaran minyak diesel berkenaan termasuk dari mana ia diperoleh dan diedarkan," katanya.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melaksanakan pemeriksaan berkaitan masalah bekalan dan isu harga barang asas yang dihadapi rakyat ketika ini dalam tempoh sebulan di seluruh negara menerusi OPS TERJAH. Menterinya Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata OPS TERJAH antara lain memeriksa dan memantau masalah tersebut di premis seperti pasar awam, pasar mini, kedai runcit, gerai penjaja kecil dan kedai makan.

Beliau berkata pelaksanaan OPS TERJAH juga untuk mengenal pasti zon atau kawasan yang terjejas dengan bekalan dan harga mengikut tahap keseriusannya serta mencari punca utama terhadap isu rantaian bekalan dan harga barang keperluan asas yang melanda di negara ini.

"Melalui daptan daripada OPS TERJAH ini, kerajaan akan pastikan rangka kerja untuk tindakan segera dihasilkan. KPDN juga sedang menyediakan pelan strategik jangka pendek dan sederhana berdasarkan maklumat yang kami terima."

"Ini amat penting untuk memastikan kestabilan bekalan barang asas memandangkan musim perayaan bakal tiba tidak lama lagi," katanya pada sidang media Pelancaran OPS TERJAH KPDN di sini hari ini selepas membuat tinjauan dan pemeriksaan premis di sekitar kawasan Chow Kit di sini.

Salahuddin berkata OPS TERJAH itu melibatkan 2,200 pegawai penguat kuasa KPDN di seluruh negara yang akan melaporkan situasi sebenar kedudukan bekalan dan harga barang asas.

Beliau berkata KPDN juga akan mempertingkatkan keberadaan anggota penguat kuasa di lokasi tumpuan pengguna termasuk menggunakan Van Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi Pengguna (STAR) serta kereta peronda bagi mewujudkan persekitaran perniagaan dan beli-belah yang beretika.

Beliau juga berkata kementerian juga akan mengoptimumkan pengoperasian Bilik Gerakan KPDN bagi memastikan kepentingan dan aduan pengguna dapat ditangani segera.

Pengguna yang mempunyai sebarang maklumat berhubung salah laku peniaga boleh menyalurkan aduan yang lengkap kepada KPDN melalui WhatsApp di 019-2794317 atau 019-8488000; Portal Aduan e-aduan.kpdnhep.gov.my; Pusat Panggilan 1-800-886-800; emel e-aduan@kpdnhep.gov.my; dan Ez ADU KPDN.

KPDN BERJAYA MENUMPASKAN AKTIVITI PENYELEWENGAN MINYAK DIESEL BERSUBSIDI

PUTRAJAYA, 16 November 2022 – Satu serbuan berkaitan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi berjaya ditumpaskan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Serbuan itu dijalankan ke atas sebuah premis tanpa nama yang disyaki menjalankan aktiviti penyelewangan minyak diesel bersubsidi di sebuah kawasan perindustrian di Seremban, N.Sembilan pada 10 November 2022.

Menurut Tuan Azman Adam, Pengarah Penguat Kuasa KPDN, serbuan dilakukan oleh sepasukan anggota penguat kuasa daripada KPDN Putrajaya. Risikan juga telah dijalankan beberapa hari sebelum serbuan. Ketika serbuan dilakukan ke atas premis terbabit mendapat tiga (3) orang lelaki warga tempatan yang mengaku sebagai pekerja di premis terbabit sedang melakukan kerja-kerja pemindahan minyak diesel daripada tangki simpanan ke sebuah lori *tanker*.

Hasil pemeriksaan telah menemukan minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 40,000 liter, kenderaan lori, mesin *compressor*, dokumen-dokumen perniagaan dan beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewangan minyak diesel. Semua barang yang ditemui telah disita bagi tujuan siasatan lanjut. Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM 323,000.00. Ketiga-tiga lelaki warga tempatan tersebut juga telah ditahan bagi membantu siasatan.

Tambahnya lagi, kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini akan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenalpasti individu/syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini serta rantaian pengedaran minyak diesel tersebut termasuklah daripada mana minyak diesel ini diperolehi dan diedarkan.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah AKB 1961 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM 1,000,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM 3,000,000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Juta) bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala bagi syarikat sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 2,000,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Juta) manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5,000,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Juta).

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUA 2001) (Akta 613) iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewangan berkaitan minyak diesel.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima belas (15) tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau lima juta ringgit yang mana yang lebih tinggi.

KPDN memberi amaran keras kepada semua yang berkaitan dan menegaskan bahawa Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam sindiket dan aktiviti haram ini. Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung penyelewangan barang kawalan dan bersubsidi boleh menyalurkan aduan ke saluran aduan rasmi Kementerian.

KPDN NEGERI SEMBILAN RAMPAS 5,015 KG MINYAK PAKET

SEREMBAN Disember 2022- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Sembilan merampas sebanyak 5,015 kilogram (kg) minyak masak peket bersubsidi bernilai lebih RM12,500 di sebuah premis industri ringan di Zon Perindustrian Tasik Jaya, pagi tadi.

Pengarah KPDN negeri, Muhammad Zahir Mazlan berkata dalam serbuan kira-kira 10.15 pagi itu pihaknya menjumpai 295 kotak minyak masak peket bersubsidi sekilogram berada di dalam premis yang merupakan tempat pengumpulan minyak masak terpakai.

Katanya hasil pemeriksaan mendapat premis dan individu di premis itu tidak mempunyai sebarang lesen atau surat kebenaran daripada pengawal bekalan bagi berurusan dengan barang kawalan.

"Premis ini disyaki melakukan pemindahan minyak masak bersubsidi ke dalam tangki dengan cara memotong minyak masak plastik polibeg dan mencampurkan ke dalam tangki minyak masak terpakai bagi mendapatkan kuantiti yang banyak sebelum dijual kepada syarikat lain untuk dijadikan bahan api bio.

"Sindiket ini dipercayai telah menjalankan kegiatan sekitar enam bulan dan berselindung di sebalik premis pengumpulan minyak masak terpakai," katanya dalam kenyataan hari ini.

Muhammad Zahir berkata empat warga tempatan berumur antara 22 hingga 46 tahun ditahan bagi membantu siasatan.

KPDN SERBU STOR BARANG TIRUAN



KUALA LUMPUR November 2022- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu sebuah premis yang dijadikan sebagai tempat penyimpanan dan pembungkusan pelbagai barang tiruan dijual secara atas talian di Rawang, baru-baru ini.

Pengarah KPDN Selangor, Mohd Zuhairi Mat Radey dalam kenyataan berkata, serbuan dilakukan selepas menerima aduan daripada wakil pemilik cap dagang berdaftar berhubung aktiviti yang mencurigakan melibatkan cap dagang miliknya.

"Susulan daripada aduan itu, KPDNHEP Selangor telah menggerakkan satu operasi pada jam 8.30 malam dan menjumpai pelbagai barang seperti selipar (3,250 pasang), topi (760) unit, seluar (135 pasang) dan sarung kaki (120 pasang) dengan pelbagai saiz, jenama dan rekaan yang dipakaikan dengan suatu cap dagangan berdaftar tanpa kebenaran," katanya.


Tambah beliau, pemeriksaan menyeluruh telah dijalankan ke atas premis tersebut dan tindakan sitaan akan dilaksanakan ke atas barang-barang yang dijumpai di lokasi serbuan.

"Pasukan telah menemui seorang lelaki dan dia memberi kerjasama semasa pasukan serbuan mengambil rakaman percakapan. Anggaran keseluruhan rampasan bernilai RM16,225," ujar beliau.

Kesalahan disabitkan di bawah Seksyen 100 Akta Cap Dagangan 2019(ACD 2019) dan Seksyen 102(1)(c) ACD 2019 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 102(1)(i) Akta yang sama.

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM15,000 bagi setiap barang-barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, boleh didenda tidak melebihi RM30,000 bagi setiap barang-barang yang dipakaikan dengan salah cap dagangan berdaftar.

KPDN TUMPAS AKTIVITI PENYELEWENGAN MINYAK DIESEL BERSUBSIDI DI TELOK PANGLIMA GARANG



PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menumpaskan aktiviti penyelewengan minyak diesel bersubsidi dalam serbuan ke atas sebuah premis di Telok Panglima Garang, Selangor semalam.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Azman Adam berkata dalam operasi pada 1.15 tengah hari itu, sepasukan anggota KPDN Putrajaya menemukan sebuah lori yang diubah suai serta dua tangki dalam kawasan tersebut.

"Hasil pemeriksaan lanjut ke atas lori dan tangki terbabit, pasukan serbuan telah menemukan jm;minyak diesel dengan kuantiti keseluruhan berjumlah 23,325 liter, pam bermotor, sebuah kereta dan beberapa peralatan lain yang digunakan untuk kegiatan penyelewengan minyak diesel," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata minyak diesel, lori dan kereta serta peralatan lain yang ditemukan di lokasi itu telah disita bagi tujuan siasatan lanjut dan nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM102,000.

"Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terlibat dalam aktiviti ini.

"KPDN juga akan mengenal pasti rantaian pengedaran minyak diesel tersebut termasuk sumber minyak diesel ini diperoleh dan diedarkan," katanya.

-- BERNAMA

KPDN RAMPAS 40,000 LITER MINYAK MASAK DI SEREMBAN

SEREMBAN November 2022- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) merampas 40,000 liter minyak diesel bersubsidi dalam serbuan ke atas sebuah premis di kawasan perindustrian di sini pada 10 Nov lepas.

Ketua Pengarah Penguatkuasa KPDN Azman Adam berkata dalam serbuan hasil risikan sejak beberapa hari itu, pihaknya turut menyita sebuah lori, mesin pemampat, dokumen perniagaan dan peralatan lain dengan keseluruhan rampasan berjumlah RM323,000.

"Ketika serbuan, terdapat tiga lelaki warga tempatan mengaku sebagai pekerja di premis itu sedang melakukan kerja pemindahan minyak diesel daripada tangki simpanan ke sebuah lori tanker.

"Kesemua lelaki berkenaan ditahan bagi membantu siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata pihaknya sedang mengenal pasti individu atau syarikat terlibat dalam aktiviti berkenaan serta rantaian pengedaran minyak diesel termasuk lokasi minyak itu diperoleh dan diedarkan.

Menurut Azman, syarikat terbabit juga disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (Akta 613).



AKPK PENYELAMAT MEREKA YANG MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN

Diadaptasi daripada artikel oleh Encik Noor Mohamed bin Mohamed Younus

Prolog

Saya seorang Fellow bersara yang pernah memberi syarahan kepada pelajar MBA di salah sebuah institusi lepasan ijazah terulung di Malaysia: Putra Business School, UPM, Serdang. Saya telah menggunakan prinsip Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam kelas Pengurusan Kewangan Peribadi (PKP) saya. Pada asasnya, PKP mengajar pelajar tentang pengurusan fiskal secara berhemat. Sebelum saya pergi jauh, ini fakta-fakta mengenai AKPK yang semua orang perlu tahu.

Data yang Patut Diambil Perhatian

Fakta yang patut diambil perhatian, sehingga Oktober 2022, ialah AKPK telah memberi khidmat nasihat kewangan kepada lebih daripada 1.2 juta individu, dan 375,000 daripada mereka telah menyertai Program Pengurusan Kredit AKPK. Program pendidikan kewangannya pula telah menjangkau lebih daripada 10 juta pengguna dewasa. Kandungan bermaklumat bagi tujuan pemasaran dan promosi telah disiarkan di media tradisional dan digital merangkumi tip-tip pengurusan kewangan berbentuk infografik, video, kapsul, artikel, poster dan komik bersiri AKPK, iaitu Kembara Kewangan Kembong (data dikemaskinikan ke angka terkini berdasarkan Helaian Maklumat AKPK Untuk Media, Oktober 2022).

Evolusi Holistik: Pengguna, PKS, Pesara

Walaupun AKPK bermula dengan khidmat nasihat kewangan dan pengurusan kewangan untuk pengguna, ia telah berkembang sejak beberapa tahun untuk membantu semua lapisan masyarakat; daripada orang bergaji, anggota berseragam, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), mereka yang diberhentikan kerja hingga kepada pesara, dengan nasihat mengenai pengurusan kewangan persaraan.

Peranan AKPK juga menjadi lebih penting ketika COVID-19 memuncak apabila individu termasuk PKS terjejas kerana pengurangan atau kehilangan pendapatan, masalah hutang serta masa depan yang tidak menentu. Sepanjang tahun 2021, AKPK telah memberikan khidmat nasihat kewangan kepada sejumlah 1,500 PKS (data diekstrak daripada Laporan Tahunan AKPK 2021).

AKPK Memulihkan Rumah Tangga Yang Bermasalah

Fungsi AKPK bukan semata-mata sebagai agensi pengurusan hutang malah peranannya mulia kerana dapat memulihkan perkahwinan dan membina semula rumah tangga yang terjejas kerana isu kewangan yang sentiasa menyelinap dalam kehidupan sosial. Bagi tahun 2019 misalnya, rekor Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan 80% daripada perceraian di Malaysia melibatkan pasangan Melayu Islam sejak 2015. Malah, 2015 mencatatkan jumlah perceraian pasangan Melayu Islam tertinggi, iaitu sebanyak 63,463 kes. Artikel dalam talian Malay Mail pada 2016 memetik seorang pegawai JAKIM yang mengesahkan bahawa 156 pasangan Melayu Islam bercerai setiap hari (dipetik daripada kertas UIA oleh Luqman Zakariyah, 2018).

Salah satu sebab yang disebut menyumbang kepada kadar perceraian yang tinggi ialah masalah pengendalian sumber kewangan. Umur purata perkahwinan bagi lelaki Melayu Islam ialah 27 tahun, dan 26 tahun bagi perempuan manakala median bagi lelaki bukan Islam ialah 30 tahun, dan 28 bagi perempuan. Oleh itu, kerana masih muda, pasangan Melayu Islam mungkin tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk mengendalikan kewangan dengan baik (data daripada tapak web Jabatan Perangkaan Malaysia).

Perlu diperhatikan bahawa AKPK menekankan bahawa pendidikan kewangan adalah penting untuk pasangan Melayu Islam, dan oleh kerana itu, AKPK telah bekerjasama dengan JAKIM dalam menyediakan pendidikan mengenai pengurusan kewangan kepada pasangan Islam, usahawan Islam dan pengamal Syariah yang akhirnya akan sampai kepada masyarakat Islam umumnya.

Mengajar Tentang Kewangan Berhemat Kepada Pasangan Muda

Dalam satu kelas Pengurusan Kewangan Peribadi, saya telah mengarahkan pelajar untuk mengkaji kos purata bagi perkahwinan di Malaysia mengikut tiga kumpulan utama, iaitu Melayu, Cina dan India. Saya mendapat inspirasi daripada satu artikel dalam tapak web AKPK mengenai hutang yang ditanggung selepas perkahwinan dan pinjaman kad kredit yang membebani pasangan muda dengan hutang yang membelenggu serta boleh mengakibatkan kebankrutan.

Pelajar membuat satu templat barang yang diperlukan untuk perkahwinan, iaitu kad jemputan, tempahan tempat, jangkaan bilangan tetamu, kos per orang untuk jamuan perkahwinan, hadiah atau hantaran, sewaan baju pengantin, dan lain-lain. Pelajar juga membuat perbandingan kos khidmat perancang perkahwinan.

Menariknya, pelajar saya mendapati bahawa perkahwinan kaum India, walaupun yang paling sedikit bilangan perbelanjaannya, mempunyai kos yang paling tinggi disebabkan oleh keperluan budaya mereka untuk menyediakan barang kemas dan sari *Kanchipuram* atau *Banarasi* yang mahal kepada pengantin perempuan. *Thali* atau benang suci perkahwinan yang diikat oleh pengantin lelaki pada pengantin perempuan untuk melambangkan cinta, penghormatan dan darjah juga mestilah emas.

Perkahwinan kaum Cina pula berkait rapat dengan hierarki atau kedudukan seseorang dalam masyarakat. Sebagai contoh, bapa kepada salah seorang pelajar saya ialah bekas guru besar sebuah sekolah Cina di Mambang Di Awan, iaitu sebuah pekan kecil yang menarik di Perak. Bapa pelajar saya itu mahukan jamuan perkahwinan yang mewah dengan bilangan meja yang banyak untuk jemputannya kerana kedudukannya sebagai bekas guru besar. Pengiraan pelajar saya menggunakan lembaran Excel menunjukkan bahawa dia akan memerlukan tempoh bayaran balik selama 5 tahun untuk menyelesaikan hutang majlis perkahwinannya.

Perkahwinan kaum Melayu juga lebih kurang sama, dan kosnya boleh dikawal mengikut pilihan tempat, dan jika pasangan faham tentang liabiliti mereka dan tidak terlalu tunduk kepada tekanan orang tua untuk mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran— melainkan orang tua sendiri sanggup menanggung kos perkahwinan tersebut.

Penutup

Sumbangan AKPK ke arah kesejahteraan sosial dan pemberian fabrik masyarakat seperti mengelakkan kebankrutan dan memulihkan kembali ikatan perkahwinan serta mengembalikan kebahagiaan sosial sememangnya tidak dapat diukur dengan nilai angka semata-mata.

Artikel ini diekstrak, diterjemahkan dan diubah suai daripada artikel asal yang ditulis oleh Encik Noor Mohamed bin Mohamed Younus, Bekas Fellow Perunding Putra Business School UPM (2012-2019), pada tahun 2021 sempena ulang tahun AKPK yang ke-15.

